

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA**

**PERTANYAAN** : **BUKAN LISAN**  
**DARIPADA** : **DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL**  
**KAWASAN** : **PERMATANG PAUH**  
**TARIKH** : **3 OGOS 2017**  
**NO. SOALAN** : **541**

**SOALAN**

**YB. Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan apakah rasional penjualan ekuiti syarikat kereta nasional PROTON 49.9 peratus kepada Syarikat Zhejiang Geely Holdings Group, dan adakah berikutan itu Kerajaan bercadang untuk menyemak kadar cukai duti eksais kenderaan nasional tersebut.**

**JAWAPAN**

Perjanjian kerjasama strategik yang telah ditandatangani oleh PROTON yang melibatkan penjualan 49.9% pegangan saham kepada syarikat Geely dari negara China pada 23 Jun 2017 amat penting dalam usaha untuk mencapai transformasi bagi memulihkan prestasi perniagaan PROTON. Ianya juga membuktikan komitmen PROTON bagi menjayakan plan pemulihannya selain memenuhi syarat pinjaman mudah RM1.5 bilion yang diluluskan Kerajaan.

Dari segi rasional, penjualan ekuiti PROTON sebanyak 49.9% kepada Geely akan memberikan manfaat-manfaat seperti berikut:

- (a) Perkongsian model dan platform (*shared platform*) daripada Geely. Kedua-dua pihak akan berkongsi sumber untuk membangunkan produk baharu;
- (b) Membantu PROTON menjalankan operasi domestik yang lebih besar yang membawa kepada skala ekonomi (*economies-of-scale*);
- (c) Berpeluang untuk memperluaskan pasaran dengan menembusi pasaran sedia ada Geely di China, rantau ASEAN, Timur Tengah dan Afrika Utara bagi membolehkan PROTON meningkatkan jualan kepada 500,000 unit setahun;
- (d) Menjadikan PROTON sebagai pusat pembuatan model-model Geely bagi pemanduan sebelah kanan (*right-hand drive*); dan
- (e) Pusat R&D Proton akan diiktiraf sebagai salah satu Pusat Kecemerlangan Global oleh Geely.

Manfaat perkongsian strategik ini tidak akan terhad kepada PROTON sahaja malah kepada semua yang terlibat dalam ekosistem industri automotif. Sebagai contoh, vendor tempatan akan berpeluang untuk mendapat kerjasama teknikal bagi meningkatkan daya saing dan penglibatan dalam *supply chain* Geely dan pasaran eksport serantau.

Di samping itu, Geely juga merupakan salah satu pengeluar kereta terkemuka di China dan mempunyai rekod jualan sebanyak 1.2 juta unit setahun serta mengeksport ke 23 buah negara.

Geely turut mempunyai rekod cemerlang dalam memulihkan perniagaan. Sebagai contoh, Volvo yang dimiliki Geely pada 2010 telah

berjaya menjual 534,332 unit pada 2016 berbanding kepada jualan 335,000 unit pada 2009.

Mengenai soalan sama ada Kerajaan bercadang untuk menyamak kadar cukai duti eksais kenderaan nasional, PROTON seperti syarikat-syarikat lain di negara ini adalah tertakluk kepada proses dan prosedur percukaian yang sama. Pengecualian dan pengurangan cukai boleh dipertimbangkan bagi syarikat-syarikat pemasang kenderaan termasuk PROTON yang menjalankan aktiviti nilai tambah yang diukur melalui jumlah pelaburan, tahap pemindahan teknologi dan penyediaan peluang pekerjaan selaras dengan Dasar Automotif Nasional (NAP) 2014.